

BAB 3

PEMIKIRAN WAEL BAHJAT HALLAQ BERKAITAN

PENGAJIAN *UŞŪL AL-FIQH*

3.1 Pendahuluan

Tumpuan utama penulisan dalam bab ini adalah untuk mengkaji bentuk pemikiran Wael Bahjat Hallaq berdasarkan kepada beberapa artikel yang mempunyai kaitan secara langsung dengan tajuk *ijtihād*. Beliau merupakan orientalis yang telah banyak menyumbangkan idea dan artikel terhadap pengkajian *uşūl al-fiqh* dan perundangan Islam. Malah beberapa artikel yang telah dihasilkan oleh beliau khususnya *Was The Gate of Ijtihād Closed* telah berjaya merungkai persoalan tentang isu penutupan pintu *ijtihād* yang telah dibahaskan sebelum ini oleh Joseph Schacht dalam bukunya *The Origins of Muhammadan Jurisprudence*.

Artikel-artikel Hallaq yang akan dibincangkan dalam bab ke tiga merangkumi *Was The Gate of Ijtihād Closed*, *On The Origins of the Controversy About The Existence of Mujtahid and The Gate of Ijtihād* dan *Early Ijtihād and The later Construction of Authority*.

3.2 Pemikiran Wael Bahjat Hallaq Dalam Artikel

Was The Gate of Ijtihād Closed.

Penulisan Wael Bahjat Hallaq dalam topik ini teretus akibat daripada dakwaan Joseph Schacht mengenai penutupan pintu *ijtihād* yang didakwa mula mengalami kemerosotan semenjak awal kurun ke-4 hijrah. Kenyataan Schacht terhadap penutupan pintu *ijtihād*¹:-

“By the beginning of the fourth century of the Hijra, however the point had been reached when scholars of all schools felt that all essential questions had been thoroughly discussed and finally settled, and a consensus gradually established itself to the effect that from that time onwards no one might be deemed to have a necessary qualifications for independent reasoning in law, and that all future activity would have to be confined to the explanation, application, and at the most, interpretation of the doctrine as it had been laid down once and for all. The ‘closing of the door of ijtihād’ as it was called amounted to the demand for taklid, a term which had originally denoted the kind of reference to Companions of the Prophet that had been customary in the ancient school of law, and which now came to mean the unquestioning acceptance of the doctrines of established schools and authorities...”

Dakwaan Schacht secara tidak langsung telah membawa kepada tanggapan negatif terhadap umat Islam yang dilabelkan sebagai pengikut (*Muqallid*) terhadap hukum yang telah sedia ditetapkan oleh para ulama *uṣūl* terdahulu. Budaya *taqlīd* mula lahir akibat daripada ketiadaan golongan umat Islam yang memiliki ciri-ciri sebagai seorang mujtahid. Dakwaan Schacht tersebut mula mendapat sokongan daripada orientalis-

¹ Joseph Schacht (1964), *An Introduction To Islamic Law*, Oxford: Clarendon Press, hlm. 70-71.

orientalis lain seperti J.N.D Anderson yang turut mengakui bahawa pada penghujung kurun ke-3 hijrah, pintu *ijtihad* telah ditutup. Pengesahan tersebut telah dilakukan oleh H.A.R. Gibb yang mendakwa golongan fuqaha Islam telah mengisytiharkan penutupan pintu *ijtihad* yang tidak akan dibuka sampai bila-bila.²

Secara asasnya, dakwaan terhadap penutupan pintu *ijtihad* adalah berdasarkan kepada realiti masyarakat Islam yang dilihat mula dipengaruhi oleh perkembangan persekitaran yang turut memberi impak negatif terhadap kebudayaan Islam, bentuk kefahaman masyarakat Islam dalam berhadapan dengan hukum Islam semasa dan pengaplikasian syariah dalam permasalahan semasa. Walau bagaimanapun menurut Hallaq, dakwaan yang dikemukakan oleh orientalis-orientalis tersebut adalah tidak tepat tanpa penjelasan dan bukti yang kukuh. Hallaq secara umumnya membuktikan bahawa pintu *ijtihad* tidak pernah ditutup berdasarkan kepada faktor-faktor berikut³:-

- i- Fuqaha yang mempunyai kelayakan dan kemahiran ber*ijtihad* wujud sepanjang zaman.
- ii- *Ijtihad* masih digunakan dalam perundangan Islam walaupun sesudah tamatnya pembentukan mazhab.
- iii- Tidak pernah terdapat sebarang catatan di dalam buku-buku *fiqh* atau *uṣūl al-fiqh* tentang *Inṣidād bāb al-Ijtihād* yang membawa kepada penutupan pintu *ijtihad*.

² H.A.R Gibb (1947), *Modern Trends In Islam*, Chicago: The University of Chicago Press, h. 98.

³ Wael Hallaq (1994), "Was The Gate of Ijtihad Closed", dalam *Law and Legal Theory in Classical in Classical and Medieval Islam*", c.4, Britain: Ashgate Publishing Limited, h. 4.

Bahkan kenyataan tersebut adalah lebih kepada helah dan kontroversi yang telah dicetuskan untuk melemahkan semangat fuqaha-fuqaha Islam terhadap perundangan Islam. Wael Hallaq telah mengkaji kedudukan dan peranan *ijtihad* berdasarkan kepada tahap-tahap perkembangan *ijtihad* yang bermula pada akhir kurun ke-3 sehingga kurun ke-10 hijrah. Beliau melihat peranan *ijtihad* dalam ilmu *uṣūl al-fiqh* sebagai suatu perkara yang perlu ditekankan dalam setiap masa khususnya dalam berdepan dengan segala permasalahan sosial yang menuntut kepada penyelesaian hukum. Malah menurut Hallaq, peranan *ijtihad* telah dipraktikkan sepanjang zaman kerana ia adalah objektif dan asas penting dalam ilmu *uṣūl al-fiqh*.

Persoalan utama adalah bagaimana timbulnya pendapat tentang penutupan pintu *ijtihad*. Dalam menjawab persoalan ini Hallaq telah mengemukakan beberapa teori yang membawa kepada dakwaan *Insidād Bāb al-Ijtihād*. Antaranya adalah faktor ketiadaan mujtahid yang berkecukupan kerana syarat ber*ijtihad* adalah sangat ketat dan agak mustahil untuk dicapai oleh fuqaha pada masa kini.⁴

⁴ Wael Hallaq (1994), *op.cit*, h. 9.

3.2.1 Sorotan Perkembangan *Ijtihād* Pada Kurun ke-3 Hingga Kurun ke-5 Hijrah

Hallaq turut melihat persoalan tentang penutupan pintu *ijtihād* dari sudut sejarah perkembangannya sehingga kini. Pada kurun ke-3 dan ke-4 hijrah telah munculnya beberapa gerakan yang menolak praktik *ijtihād* dalam metodologi perundangan Islam. Gerakan tersebut dipelopori oleh golongan tradisional yang memperjuangkan penggunaan sumber asas syariat iaitu al-Qurān dan al-Sunnah serta menolak sekerasnya penggunaan akal iaitu *qiyās* dan *ijtihād* dalam penyelesaian sesuatu hukum. Gerakan anti *ijtihād* telah berterusan sehingga kurun ke-4 hijrah.

Seterusnya, perkembangan *ijtihād* pada kurun ke-5 hijrah dihuraikan oleh Hallaq berdasarkan kepada aspek penggunaan *ijtihād* dalam konteks perundangan dan kerajaan yang memerintah pada ketika itu. Hallaq telah menyebut beberapa contoh penulisan daripada sarjana perundangan Islam seperti ‘Abdul al-Jabbār dan Abū Ḥusayn al-Basrī yang memprakui tentang kepentingan praktik *ijtihād* dalam kes-kes tertentu.⁵ *Taqīd* menurut mereka hanya dipraktikkan oleh golongan yang tidak berkelayakan untuk ber*ijtihād*. Malah kenyataan tersebut telah disokong oleh Ibn ‘Abd al-Bārr⁶ yang mendakwa ilmu *uṣūl al-fiqh* sewajarnya perlu dikuasai dan dipelajari oleh para peguam Islam dalam menyelesaikan hal-hal yang berkaitan dengan isu semasa.

⁵ Wael Hallaq (1994), *op.cit.*, h. 12.

⁶ Abd al-Bārr, Yusūf bin Abdullah (2006), *al Istidhkār: al Jāmi’Limadhāhib Fuqahāi al Amṣor*, Beirut: Dar al Kutub al-Islāmiyyah, h. 23.

Hallaq turut menjelaskan keperluan umat Islam pada kurun ke-5 hijrah terhadap praktik *ijtihad* adalah sangat penting khususnya dalam perundangan Islam dan institusi politik ketika itu. Malah kedudukan para ulama Islam yang mempunyai kelayakan untuk melakukan *ijtihad* sangat diperlukan dalam sistem pemerintahan serta bertindak sebagai penterjemah undang-undang Islam.⁷ Keadaan ini berlaku disebabkan oleh golongan yang berkelayakan untuk melakukan *ijtihad* pada ketika itu semakin berkurangan. Bagi mengukuhkan fakta yang dikemukakan Hallaq telah mengambil pendapat daripada al-Baghdādī⁸ tentang kriteria yang perlu ada pada setiap pemerintah iaitu mereka mesti berkemampuan untuk melakukan *ijtihad* dalam menghadapi sebarang kes yang perlu kepada penyelesaian hukum.

Perkembangan politik dan perkembangan perundangan yang pesat pada kurun ke-5 hijrah telah membawa kepada keperluan mendesak umat Islam terhadap *ijtihad*. Hallaq menegaskan bahawa pemerintah atau *Amīr* yang dilantik pada ketika itu perlu berkemahiran dan mempunyai kriteria lengkap sebagai seorang mujtahid. Malah kriteria pemerintah sebagai seorang mujtahid sebagaimana yang disebut oleh al-Mawardi⁹, al-Baghdādī dan al-Juwaynī¹⁰ pada hakikatnya membuktikan bahawa keperluan menguasai perundangan Islam adalah merupakan syarat utama yang diperlukan kepada seseorang

⁷Wael Hallaq (1994), *op.cit*, h. 12.

⁸ Abū Bakr Aḥmad bin ‘Alī al-Baghdādī (1996), *al-Faqīh Wa al-Mutafaqqih Kitāb*, Saudiyyah: Dar Ibn al-Jawzi, h. 98.

⁹ ‘Alī bin Muhammad al Māwardī (1996), *al-Ahkām al-Sulṭaniyyah Wa al-Wilāyāt al-Dīniyyah*, Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah, h. 35.

¹⁰ Abdul Mālik bin Abdullah al Juwaynī (2003), *Ghiyāth al-Umām Fī al-Niyāt al-Zulm*, Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah, h. 15.

pemerintah. Malah mereka perlu sentiasa bersedia untuk berhadapan dengan isu semasa yang memerlukan kepada penyelesaian hukum.¹¹ Menurut Hallaq, bilangan sarjana Islam yang berkelayakan untuk berijtihad masih lagi berterusan pada kurun ke-5 hijrah. Fakta ini secara tidak langsung menyangkal pandangan yang dikemukakan oleh Joseph Schacht yang mendakwa pintu *ijtihad* secara rasminya telah ditutup menjelang kurun ke-4 hijrah. Menurut Hallaq isu tentang penutupan pintu *ijtihad* tidak pernah berlaku pada kurun ke-3 hingga kurun ke-5 hijrah. Faktor kekurangan bilangan ulama yang berkemampuan untuk berijtihad merupakan antara faktor yang mendorong kepada tercetusnya dakwaan tersebut.

¹¹Wael Hallaq (1994), *op.cit*, h. 12.

3.2.2 *Insidād Bāb al-Ijtihād*

Insidād bāb al-ijtihād membawa maksud jalan yang membawa kepada penutupan pintu *ijtihād*. Persoalan yang dicetuskan ini tidak mampu untuk mengungkap siapa sebenarnya atau bilakah tarikh sebenar jika berlakunya penutupan pintu *ijtihād*. Hallaq menyatakan bahawa kedudukan *ijtihād* adalah sangat penting sebagai salah satu metodologi *uṣūl al-fiqh* dan kaedah ini tidak akan berakhir melainkan dengan berlakunya kekurangan bilangan golongan mujtahid yang benar-benar berkemahiran dan memiliki ciri-ciri yang lengkap untuk ber*ijtihād*.¹²

Bagi membuktikan kebenaran tentang fakta di atas Hallaq telah merujuk kepada kitab-kitab *uṣūl al-fiqh* yang dikarang sekitar kurun ke-5 hijrah oleh ‘Abd al-Jabbār, Abū Ḥusayn al-Basrī, al-Baghdādī¹³, Shirāzī¹⁴, al-Juwaynī¹⁵, Sarakhsī, dan al-Ghazālī¹⁶. Hallaq mendapati tidak terdapat sebarang kenyataan daripada ulama-ulama fiqh terdahulu sama ada secara langsung atau tidak langsung tentang kekurangan golongan mujtahid. Bagi memastikan praktik perundangan Islam dan *uṣūl al-fiqh* berjalan lancar khususnya pada kurun ke-5 hijrah, Hallaq menjelaskan bahawa Ibn ‘Aqil telah menetapkan sekurang-kurangnya mesti terdapat seorang mujtahid yang berkelayakan untuk memberi pendapat dalam hal perundangan (*legal opinion*) dan perlu ber*ijtihād*

¹² Wael Hallaq (1994), *op.cit*, h.19.

¹³ al-Baghdādī (1998), *op.cit*, h.98.

¹⁴ Abū Ishaq Ibrāhīm ibn ‘Alī al-Shirāzī (1995), *al- Luma’ fi Uṣūl al-fiqh*, Dimashq: Dar al-Kalīm al-Tayyib.

¹⁵ Abd al-Mālik bin Abdullah al-Juwaynī (2003), *Ghiyāth al-Umam*, Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.

¹⁶ Al-Ghazālī (2000), *al-Mustasfā Fī ‘Ilm al-Uṣūl*, Beirut: Dar al Kutub al-‘Ilmiyyah.

dalam sesuatu kes yang timbul serta perlu memberi tunjuk ajar kepada ulama yang kurang berkelayakan dalam melakukan praktik *ijtihad*.¹⁷

Bagi mengukuhkan lagi kenyataan tersebut, Hallaq turut menyatakan pandangan yang dikemukakan oleh al-Amīdī bahawa tidak ada bukti yang jelas menunjukkan penutupan pintu *ijtihad* atau kekurangan golongan mujtahid pada kurun ke- 4 dan ke- 5 hijrah. Malah sarjana *uṣūl* juga tidak pernah mengeluarkan sebarang kenyataan tentang penutupan pintu *ijtihad* pada kurun ke-5 dan kurun ke-6 hijrah.¹⁸

Kurun ke-8 hijrah mula menunjukkan sikap umat Islam dan ulama Islam *bertaqīd* dan tidak berusaha untuk *berijtihad* dalam menghadapi suatu masalah. Ramai dalam kalangan *muqallid* telah menghidupkan budaya *taqlīd* sehingga perkara ini telah mula menjadi satu budaya yang menular sehingga kurun ke- 9 dan kurun ke-10 hijrah. Kekurangan bilangan ulama yang mampu *berijtihad* adalah sangat kritikal. Al-Suyūṭī iaitu salah seorang pengikut ajaran imam al-Shafi'i mendakwa dirinya sebagai seorang mujtahid dan beliau terus memperjuangkan kepentingan *ijtihad* sebagai asas utama perundangan Islam. Beliau turut menyatakan bahawa penyelesaian terhadap masalah dan sebarang kes tentang hukum tidak akan dapat diselesaikan tanpa praktik *ijtihad*.¹⁹

¹⁷ Wael Hallaq (11994), *op.cit*, h. 22.

¹⁸ *Ibid*, h. 26.

¹⁹ *Ibid*.

Menurut Hallaq, umat Islam pada kurun ke-9 hijrah tidak menentang praktik *ijtihād* dan para mujtahid, akan tetapi sikap al-Suyūṭī yang digambarkan oleh Hallaq sebagai seorang yang kasar dalam pertuturan dan suka meninggi diri selain mengeluarkan kata-kata yang keras kepada penentang *ijtihād* telah menyebabkan umat Islam pada ketika itu tidak dapat menerima beliau sebagai seorang mujtahid walaupun pada hakikatnya al-Suyūṭī memiliki kriteria lengkap sebagai seorang mujtahid. Antara sikap al-Suyūṭī sebagaimana digambarkan oleh Hallaq:²⁰

“ We must not take the opposition to Suyuti to mean that the Muslim community of the ninth century went out unanimously against ijtihād and the existence of mujtahids. Suyuti’s personality must be taken into account in evaluating the antagonistic attitude towards his claims. Opposition was mainly directed against “Suyuti’s boastfulness” and against his “immense self-confidence”. He was dislike because he praised himself while casually condemning his opponents and calling them “fools, if not worse.”

Menjelang kurun ke-10 hijrah, Hallaq menyatakan bahawa jumlah sarjana Islam yang berkemampuan untuk melakukan *ijtihād* semakin berkurangan. Lebih merumitkan lagi keadaan, pada ketika itu pelbagai masalah dan kes yang berkaitan dengan hukum memerlukan penyelesaian perundangan Islam. Akhirnya, segala isu yang timbul berkaitan hukum pada ketika itu telah diselesaikan oleh golongan sarjana Islam yang tidak berkelayakan untuk menjadi mujtahid. Menurut Hallaq pada ketika itu golongan mujtahid masih lagi wujud, akan tetapi gelaran sebagai mujtahid tidak digunakan kerana golongan ulama pada ketika itu berpendapat bahawa gelaran mujtahid tidak layak diberikan kepada mereka. Malah mereka juga memperakui bahawa *ijtihād*

²⁰ Wael Hallaq (1994), *op.cit*, h. 32.

pada ketika itu sangat diperlukan untuk penyelesaian pelbagai masalah berkaitan hukum.²¹

Pada kurun ke-10 hijrah, Hallaq menegaskan tentang beberapa pendapat timbul supaya sarjana Islam merujuk kepada hasil tinggalan hukum yang telah dibukukan oleh sarjana Islam sebelumnya.²² Kenyataan tersebut secara tidak langsung telah membakar semangat pejuang-pejuang *ijtihād* untuk bangkit menentang amalan *taqlīd*. Malah pada kurun ke 12 dan kurun ke-13 hijrah, pejuang-pejuang *ijtihād* meneruskan kegiatan bagi menentang kemunculan pendapat tentang penutupan pintu *ijtihād* dan ketiadaan golongan mujtahid.

Dalam hal ini, Hallaq telah meletakkan 3 faktor utama sebagai menolak dakwaan penutupan pintu *ijtihād*²³:-

- 1- Kekurangan jumlah mujtahid selepas kurun ke – 6 hijrah. Walaupun pelbagai masalah semasa timbul, jumlah mujtahid masih lagi wujud akan tetapi kekurangan mujtahid yang berkaliber menyebabkan mujtahid yang ada tidak mampu untuk menanggung segala persoalan yang timbul.

²¹ *Ibid.*

²² Wael Hallaq (1994), *op.cit*, h. 32.

²³ *Ibid.*

- 2- Peranan yang dimainkan oleh ulama Islam yang telah memperkenalkan *tajdīd* pemikiran untuk menghapuskan sikap *taqlīd* telah membolehkan sekurang-kurangnya terdapat seorang mujtahid pada setiap zaman.
- 3- Wujudnya persepakatan pendapat tentang hukum Islam dalam kalangan ulama Islam walaupun berlainan aliran mazhab.

Persepsi yang mengatakan bahawa pintu *ijtihād* ditutup akibat daripada ketiadaan nas untuk menyelesaikan masalah semasa adalah satu pandangan yang sangat negatif. Pada hakikatnya, keterbatasan nas bukan terletak kepada kupasannya yang detail (mendalam) tetapi kerana nas yang diturunkan oleh Allah adalah memang sengaja bersifat fleksible dan dalam keadaan tertentu bersifat *detail*. Ini adalah kerana setiap nas yang diturunkan dapat memenuhi segala kepentingan dan dapat menjawab segala persoalan semasa.²⁴

²⁴ Umar Hasyim (1984), *op.cit*, h. 69.

3.3 Pemikiran Wael Bahjat Hallaq Dalam Artikel *On The Origins of The Controversy About The Existence of Mujtahids and The Gate of Ijtihād*

Kandungan utama dalam artikel ini secara tidak langsung mempunyai kesinambungan dengan artikel Hallaq bertajuk *Was The Gate of Ijtihād Closed*. Kontroversi mengenai praktik *ijtihād* mula berlaku di antara Ibn ‘Aqīl dan sarjana fiqh daripada mazhab Ḥanafī. Menurut Hallaq, Ibn ‘Aqīl menafikan dakwaan tentang penutupan pintu perundangan (*bāb al-qadhā’*) disebabkan ketiadaan golongan mujtahid.²⁵ Kontroversi yang tercetus mengenai *ijtihād* dan kedudukan para mujtahid menjadi penyebab utama kepada Hallaq untuk mengkaji beberapa persoalan yang timbul. Antara kenyataan beliau,²⁶ “*this article is concerned with the question of why the issue of the continuity of ijtihād and the existence of mujtahids arose in Islam.*”

Perbincangan terhadap persoalan di atas turut mengambil kira pandangan yang dikemukakan oleh Joseph Schacht mengenai perkembangan *ijtihād* sekitar awal kurun ke-4 hijrah. Menurut Hallaq, Schacht menyatakan bahawa segala persoalan mengenai hukum dan masalah dalam perundangan Islam telah dijawab dan disempurnakan oleh para sarjana Islam menjelang awal kurun ke-4 hijrah.²⁷ Malah para sarjana Islam juga telah bersependapat bahawa semua permasalahan tentang hukum telah disempurnakan

²⁵ Wael Hallaq (1994), “*On The Origins of The Controversy About The Existence of Mujtahids and The Gate of Ijtihād*”, dalam *Law and Legal Theory in Classical and Medieval Islam*”, c.4, Britain: Ashgate Publishing Limited, h. 129.

²⁶ *Ibid.*

²⁷ *Ibid.*

oleh ulama-ulama terdahulu. Oleh itu, Schacht telah membuat kesimpulan bahawa faktor tersebut telah membawa kepada munculnya isu tentang pintu *ijtihād* telah ditutup.

Berkaitan dengan isu di atas, Hallaq menjelaskan bahawa ulama-ulama Islam pada masa kini berpendapat bahawa tidak ada bukti jelas yang menunjukkan ulama Islam terdahulu menyatakan tentang pintu *ijtihād* telah ditutup menjelang kurun ke-4 hijrah. Malah ulama Islam pada ketika itu berhadapan dengan pelbagai masalah berkaitan hukum semasa. Setiap masalah yang timbul telah diselesai dengan berpandukan kepada perundangan yang berasaskan kaedah *uṣūl al-fiqh*.²⁸

Dakwaan Schacht tentang pintu *ijtihād* telah ditutup menjelang kurun ke-4 hijrah telah dibuat tanpa alasan dan bukti yang kukuh. Walaupun begitu, Hallaq membangkitkan persoalan berikut berdasarkan kepada dakwaan Schacht, “*if ijtihād and mujtahids did continue to exist long after the fourth century, why did muslim scholars raise the subject of the gate of ijtihād and the existence or nonexistence of mujtahids?*.”²⁹ Persoalan tersebut dirumuskan oleh Hallaq berdasarkan kepada pernyataan berikut:-

1. Isu tentang penutupan pintu *ijtihād*.
2. Persoalan tentang kekurangan bilangan ahli mujtahid.

²⁸ Wael Hallaq (1994), *op.cit*, h. 133.

²⁹ *Ibid*.

Hallaq menjelaskan tentang permasalahan tersebut berdasarkan kepada dua situasi yang berbeza. Beliau menegaskan bahawa isu tentang kekurangan ahli mujtahid tidak berlaku serentak dengan isu penutupan pintu *ijtihad*. Malah mengikut aturannya, isu kekurangan bilangan ahli mujtahid mungkin berlaku lebih awal sebelum isu penutupan pintu *ijtihad* timbul. Isu tersebut dikatakan mula menular sekitar kurun ke-4 dan kurun ke-5 hijrah. Hallaq menegaskan dakwaan tersebut sama sekali tidak tepat kerana kegiatan *ijtihad* masih lagi aktif berlaku sekitar kurun ke-5 hijrah.³⁰

Peranan para ulama dan golongan mujtahid sangat penting dan menjadi pemangkin dalam masyarakat khususnya dalam pencarian hukum dan ilmu pengetahuan. Hallaq menjelaskan tentang keadaan politik dan sosial umat Islam pada ketika itu khususnya di Baghdad adalah tidak stabil dan bentuk fahaman umat Islam mula berpecah belah akibat daripada salah faham yang timbul tentang penyelesaian hukum. Pentadbiran negara Islam pada ketika itu diketuai oleh golongan ulama yang tidak mempunyai kriteria lengkap sebagai seorang mujtahid. Bahkan kepelbagaian masalah yang timbul memerlukan kepakaran daripada mufti dan ulama Islam untuk menetapkan hukum berdasarkan kepada kaedah *ijtihad* dan bukannya menjadi *muqallid*. Menurut Hallaq, peranan para mujtahid dalam masyarakat Islam pada ketika itu dilihat sebagai golongan terpenting dan dianggap sebagai pegawai kanan Sultan untuk memantau keadaan masyarakat Islam.³¹

³⁰ Wael Hallaq (1994), *op. cit*, h.139.

³¹ *Ibid*.

Umat Islam pada kurun ke-4 dan kurun ke-5 hijrah percaya bahawa ciri-ciri mujtahid yang benar-benar berkelayakan seperti imam Abū Ḥanīfā dan imam al-Shafī'i semakin tidak wujud. Mereka percaya bahawa golongan mujtahid yang wujud pada kurun ke-4 dan kurun ke-5 hijrah terdiri daripada golongan mujtahid yang bersifat *taqlīd* terhadap tinggalan ulama terdahulu. Menurut Hallaq, umat Islam pada ketika itu percaya bahawa ciri-ciri ketua negara yang berkaliber seperti nabi Muhammad, para sahabat dan khalīfah sudah tidak wujud. Pendapat tersebut secara tidak langsung membawa kepada timbulnya dakwaan tentang ketiadaan golongan mujtahid pada sekitar kurun ke-4 dan kurun ke-5 hijrah.³²

Hallaq menegaskan dalam penulisannya bahawa sekitar kurun ke-4 hijrah, institusi khalīfah masih lagi aktif dalam masyarakat Islam. Dakwaan yang tercetus tentang ketiadaan golongan mujtahid pada ketika itu hanya bersifat kontroversi yang sengaja dicituskan.

³² Wael Hallaq (1994), *op. cit.*, h.139.

3.4 Pemikiran Wael Hallaq Dalam Artikel

Early Ijtihād and the Later Construction of Authority

Artikel ini menghuraikan tentang sejarah awal *ijtihād* yang dilakukan oleh imam mazhab terdahulu iaitu Ḥanāfi, Māliki, Shafi’I dan Ḥanbalī serta praktik *ijtihād* yang dilakukan oleh para pengikut atau murid imam mazhab tersebut. Penghasilan artikel ini adalah untuk membuktikan proses *ijtihād* yang dilakukan oleh pengasas-pengasas mazhab dan pengikut ajarannya adalah berlandaskan metodologi *uṣūl al-fiqh* dan bagi membuktikan ketepatan susur galur periwayat oleh mujtahid terdahulu. Berkaitan dengan perkara tersebut, Hallaq telah melakukan penganalisan terhadap kronologi mujtahid terawal bagi memastikan ketepatan *ijtihād* yang dihasilkan. Hallaq juga cuba membuktikan bahawa proses *ijtihād* yang dilakukan oleh para imam mazhab tersebut bukan sahaja perlu menepati syarat-syarat ber*ijtihād*, malah mereka perlu merujuk kepada hasil tinggalan ulama terdahulu dalam sebarang kes yang timbul sebelum sabitan hukum dinyatakan.³³

Penghasilan *ijtihād* oleh para ulama fiqh terdahulu diakui ketepatannya akan tetapi bagaimana dengan penghasilan *ijtihād* oleh para imam selepas mereka? Hallaq menganalisis *ijtihād* para pengikut imam Abū Ḥanīfā. Susur galur *ijtihād* bermula daripada imam Abū Ḥanīfā, diikuti oleh Abū Yusūf dan Shaybānī. Penulisan *ijtihād* tersebut dikenali sebagai *Zāhir al-Riwāyā* kerana susunan periwayatnya adalah jelas

³³ Wael Hallaq (2004), “*Early Ijtihād and The Later Contruction of Authority*” dalam Wael Hallaq *et al.* (ed.), *The Formation of The Classical Islamic Law*, Bil. 27, USA: Ashagate Publishing Company, h. 318.

kepada individu-individu tertentu. Doktrin tersebut dianggap berautoriti kerana susur galur riwayatnya sangat teratur. Hallaq menjelaskan imam Abū Ḥanīfā tidak menyatakan dengan jelas doktrin asal sesuatu hukum itu diambil. Walaupun begitu, imam Abū Ḥanīfā telah menegaskan bahawa beliau tidak akan menjadi pengikut (*'uqallid*) kepada *ijtihād* yang telah dilakukan oleh muridnya kerana beliau sendiri mampu untuk *berijihad*. Akan tetapi beliau tidak menafikan bahawa beliau menerima *ijtihād* yang dilakukan oleh pengikut ajaran beliau yang berpangkat 'senior'.³⁴

Menurut Hallaq, imam Abū Ḥanīfā banyak mengambil pendapat dan *ijtihād* yang telah dilakukan oleh gurunya, Ḥammād dan menjadikan *ijtihād* gurunya sebagai pendapat daripada beliau sendiri. Kenyataan Hallaq terhadap perkara tersebut³⁵:-

"...In a certain case pertaining to prayer, for instance, Abū Hanīfā explicitly adopts Ḥammād's opinion as his own. The list of his indebtedness to Ḥammād can run long. In another case involving prayer under threat (Solāt al-Khauf), he expounds Nakha'i's opinion, which the latter seems to have inherited in his turn from 'Abdullah ibn 'Abbas."

Oleh itu, Hallaq merumuskan bahawa hasil *ijtihād* yang dibawa oleh mazhab imam Abū Ḥanīfā tidak boleh dianggap datang sepenuhnya dari usaha mereka kerana banyak *ijtihād* dan penyelesaian terhadap sesuatu kes dirujuk daripada ulama-ulama sebelumnya. Hallaq seterusnya membangkitkan persoalan yang mungkin akan timbul tentang kelayakan imam Abū Ḥanīfā sebagai pengasas kepada mazhab walaupun usaha *ijtihād* tidak

³⁴ Wael Hallaq (2004), *op.cit*, h.320.

³⁵ *Ibid*, h. 323.

dihasilkan sepenuhnya oleh beliau. Antara ungkapan Hallaq terhadap kenyataan tersebut³⁶:-

“At this juncture, a natural question poses itself perforce: Why did Abū Hanīfā-not Nakhā’ī, Hammād, or, for that matter, Abū Yūsuf or Shaybānī-become credited with founding the school, and henceforth achieve the status of an absolute mujtahid?”

Persoalan tersebut telah dihuraikan oleh Hallaq berdasarkan kepada kriteria lengkap imam Abū Ḥanīfā sebagai seorang sarjana Islam yang arif dalam bidang perundangan Islam dan *uṣūl al-fiqh*. Walaupun beliau banyak merujuk dan mengambil pandangan hukum daripada ulama-ulama terdahulu, Abū Ḥanīfā tetap dianggap sarjana Islam paling unggul dan memiliki kelayakan sebagai seorang mujtahid pada ketika itu. Malah para pengikut ajaran imam Abū Ḥanīfā menganggap beliau sebagai “*the legal observer*” atau tempat rujukan utama bagi masalah berkaitan fiqh.³⁷

Manakala imam Mālik merupakan antara contoh sarjana Islam yang banyak menggunakan *ijtihad* beliau sendiri dalam perkara berkaitan perundangan Islam. Rujukan beliau dalam penyelesaian sesuatu hukum adalah berpandukan kepada al-Qurān dan al-Sunnah. Menurut Hallaq, hampir semua kandungan dalam kitab *Muwatta’* adalah milik imam Mālik. Walaupun dalam sesetengah keadaan beliau menggunakan pendapat daripada ulama terdahulu, imam Mālik akan menyatakan dengan jelas seperti, “*inilah*

³⁶ *Ibid* .

³⁷ Wael Hallaq (2004). *op.cit*, h. 323.

pendapat terbaik yang aku pernah dengar”. Sekiranya pendapat imam Mālik digunakan oleh pengikut-pengikut selepasnya maka mereka akan menyebut di akhir ayat sebagai, “*inilah pendapat terbaik yang kami pernah dengar.*”³⁸ Hallaq merumuskan peratusan kandungan *ijtihad* yang terdapat dalam kitab *Muwatta’* imam Mālik seperti berikut³⁹:-

- i. 13% *ijtihad* diambil daripada peninggalan ulama-ulama tertentu. Nama-nama ulama tidak dinyatakan dengan jelas.
- ii. 27% *ijtihad* daripada ulama-ulama terdahulu seperti Sa’id Ibn al-Musayyib, Yahyā bin Sā’id, Ibn Shihāb dan Sulaymān bin Yasār.
- iii. 21% pendapat imam Mālik yang dihasilkan dengan merujuk kepada sunnah nabi Muhammad.
- iv. 39% *ijtihad* yang terkandung dalam *Muwatta’* adalah daripada *ijtihad* imam Mālik.

Menurut Hallaq, imam Mālik sendiri mengaku bahawa dalam keadaan tertentu beliau mengambil *ijtihad* daripada ulama-ulama terkenal dari Madinah. Manakala beliau akan menggunakan *ijtihad* beliau sendiri dalam penyelesaian terhadap masalah yang tidak pernah berlaku sebelumnya.⁴⁰ Hallaq menjelaskan bahawa status imam Mālik telah diangkat sebagai pengasas utama mazhab oleh para pengikut beliau selepas beberapa

³⁸ Wael Hallaq (2004). *op.cit*, h. 323

³⁹ *Ibid.*

⁴⁰ *Ibid*, h. 327.

tahun kematiannya. Dalam merumuskan pengkajiannya, Hallaq menyatakan bahawa pengikut-pengikut ajaran imam Mālik selepas kematiannya telah menjadikan tinggalan penulisan beliau sebagai rujukan utama dalam bidang fiqh.

Sikap imam Shafi'i berbeza dengan imam mazhab terdahulu. Menurut Hallaq, imam Shafi'i lebih banyak menggunakan *ijtihād* beliau sendiri dan beliau tidak banyak bergantung kepada peninggalan hukum dan *ijtihād* ulama terdahulu. Walaupun begitu, dalam sesetengah keadaan beliau turut menggunakan kaedah *taqlīd*, akan tetapi beliau tidak menyatakan pendapat tersebut diambil daripada ulama terdahulu, seolah-olah pendapat tersebut lahir daripada *ijtihād* beliau sendiri. Sebagai contohnya,⁴¹

“The reluctance of Shafi'i to admit his propensity to taqlīd may be observed sporadically throughout al-Umm. With regard to the question of a gift made under coercion by a wife to her husband, he criticizes Abū Ḥanīfā's opinion and offers instead that of Ibn Abī Laylā. Having done so, he states his own opinion, which is identical to that of the latter. That he states his opinion without providing its textual basis, and without explaining his own legal reasoning in justification of it...he is not the originator of the opinion, even though he lets us assume that it is his own, independent doctrine.”

Hallaq menjelaskan bahawa imam Shafi'i turut mengakui bahawa dalam keadaan tertentu beliau turut menggunakan *ijtihād* daripada ulama-ulama yang berkaliber. Beliau berusaha untuk menjauhkan diri beliau daripada menjadi *muqallid* seperti yang berlaku kepada imam Abū Ḥanīfā dan imam Mālik.

⁴¹ Wael Hallaq (2004). *op.cit*, h. 331.

Imam Ibn Ḥanbal lebih dikenali sebagai ulama dalam bidang ḥadīṣ dan sangat sedikit pembabitan beliau dalam perundangan Islam. Malah, Ṭabarī keberatan untuk mengesahkan Ibn Ḥanbal sebagai hakim kerana beliau tidak pernah terbabit dalam bidang perundangan Islam dan tidak pernah mempunyai pelajar dalam bidang undang-undang. Menurut Hallaq, pendapat tersebut terus berlarutan sehingga kurun ke-5 hijrah. Sarjana *uṣūl* yang wujud pada ketika itu seperti Ibn Qutayba, Maqdisī, Ṭahāwī, al-Qādī al-Nu'mān, Dabbūsī dan al-'Alā' al-Samarqandī keberatan untuk meletakkan nama beliau sejajar dengan sarjana *uṣūl*. Malah pengikut imam Ḥanbal, Ṭūfī mengakui bahawa ibn Ḥanbal tidak melibatkan diri beliau dalam bidang *uṣūl al-fiqh*, bahkan beliau lebih berkemahiran dalam bidang ḥadīṣ.⁴²

Hallaq merumuskan bahawa perkembangan *ijtihād* semenjak awal kurun ke-2 dan kurun ke-3 hijrah semakin berkurangan. Ulama-ulama yang wujud pada ketika itu masih lagi ber*ijtihād* akan tetapi bilangan mujtahid yang berkeelayakan semakin berkurangan.⁴³ Faktor tersebut telah menjadikan ramai dalam kalangan ulama pada waktu itu mula merujuk kepada hasil tinggalan ulama-ulama terdahulu khususnya dalam perkara berkaitan perundangan. Peranan Ibn Ḥanbal pada ketika itu lebih kepada pakar rujuk dalam bidang Ḥadīṣ, akan tetapi dalam sesetengah keadaan beliau turut memberi pendapat beliau dalam hal berkaitan perundangan dengan merujuk kepada ḥadīṣ.

⁴² Wael Hallaq (2004). *op.cit*, h. 335.

⁴³ *Ibid.*

3.5 Ulasan Terhadap Pemikiran Wael Bahjat Hallaq Dalam Pengkajian Tentang *Ijtihād*.

Pengkajian terhadap artikel Wael Bahjat Hallaq secara khususnya tertumpu kepada penulisan beliau yang berkaitan secara langsung dengan isu *ijtihād* yang telah didakwa oleh pihak orientalis dan segelintir umat Islam telah mula terhenti sekitar permulaan kurun ke 4 hijrah. Berdasarkan kepada pengkajian terhadap artikel-artikel beliau, Hallaq didapati menumpukan pengkajian beliau dengan menyorot perkembangan praktik *ijtihād* yang bermula sekitar kurun ke-3 hingga kurun ke-10 hijrah.

Tinjauan dari perspektif sejarah telah membuktikan bahawa sorotan awal tentang *ijtihād* dapat dilihat bermula semenjak zaman nabi Muhammad s.a.w. akan tetapi pada waktu itu, amalan *ijtihād* dalam kalangan fuqaha Islam adalah tidak ketara kerana nabi Muhammad s.a.w. dianggap sebagai sumber rujukan utama umat Islam. Malah pada zaman Rasulullah s.a.w., baginda sendiri telah memberi kebenaran kepada para sahabat untuk ber*ijtihād* sekiranya baginda tidak berada di tempat kejadian.⁴⁴ Pada zaman *Khulafā al-Rashidīn*, *ijtihād* telah mula berlaku akan tetapi bukan pada perkara pokok, malah *ijtihād* yang berlaku lebih kepada membincangkan perkara *furu'*. Dalam perkara yang berkaitan permasalahan hukum, khalifah akan memilih perkara yang lebih membawa *maslahah* (kebaikan) atau dengan mengadakan musyawarah. Oleh itu, *ijma'*; iaitu kesepakatan

⁴⁴ Umar Hasyim (1984) *Membahas Khilafiyah Memecah Persatuan Wajib Bermazhab dan Pintu Ijtihād Tertutup*, Surabaya: Pt Bina Ilmu, h.58.

bersama antara seluruh sahabat bagi membincangkan kesepakatan pendapat para mujtahid akan dilakukan.⁴⁵

Perkembangan proses *ijtihād* selepas zaman sahabat dilihat mula mengalami perkembangan pada zaman kerajaan Umayyah (661-750 Masihi). Ramai dalam kalangan para sahabat meninggalkan Madinah dan menuju ke pelbagai kota dan negeri yang jauh untuk tujuan penyebaran Islam bahkan kebanyakan daripada para sahabat mula terkenal sebagai ahli fatwa dan menjadi mujtahid yang ulung pada waktu itu. Pada masa ini juga mula berlakunya perkembangan hukum fiqh yang membawa kepada tercetusnya pelbagai salah faham akibat daripada pemahaman aliran fiqh yang berbeza. Antara faktor yang membawa kepada percanggahan pendapat adalah⁴⁶:-

- 1- Kesukaran komunikasi: para mujtahid yang berkaliber tidak mempunyai koleksi hadis yang lengkap. Oleh itu, kepelbagaian masalah yang timbul telah memberi kesan terhadap para mujtahid untuk *berijma'*.
- 2- Timbulnya masalah-masalah baru yang harus diputuskan. Perkembangan Islam ke setiap pelosok dunia telah menimbulkan pelbagai masalah baru yang perlu diselesaikan. Kepelbagaian masalah yang muncul menyebabkan para mujtahid mengeluarkan fatwa atau *berijtihad* berdasarkan kemampuan mereka.

⁴⁵ Sha'bān Muḥammad Ismā'il (1981), *Uṣūl al-Fiqh: Tārīkhuhu Wa Rijāluhu*, Riyadh: Dar al Marīkh Li an-Naṣhīr, h. 21.

⁴⁶ Umar Hasyim (1984), *op.cit*, 64.

Seterusnya, semasa kerajaan Abasiyyah (750-1258 Masihi), perkembangan ilmu pengetahuan Islam yang merangkumi al-Qurān dan al-Sunnah, ilmu fiqh, dan *ijtihād* telah berkembang dengan pesat. Perkembangan ini telah membawa kepada pembukuan ilmu fiqh dan juga pembukuan fatwa daripada ulama-ulama Islam yang terkenal. Zaman ini menyaksikan bagaimana *ijtihād* mula disusun, berlakunya penyusunan ilmu *ūṣul al-fiqh* dan pembukuan ilmu fiqh sehingga zaman ini dikenali sebagai zaman keemasan bagi fiqh dan *ijtihad*.⁴⁷ Perkembangan tersebut secara umumnya berlaku pada awal abad ke-2 sehingga pertengahan abad ke-4 hijrah. Malah zaman tersebut juga telah berlakunya pembukuan kitab *ūṣul al-fiqh* yang pertama dalam sejarah perkembangan hukum Islam yang telah dimulakan oleh imam al-Shafi'i iaitu kitab *al-Risālah*.⁴⁸

Ramai dalam kalangan para mujtahid seperti Ibn Surayj, Ṭabarī, Ibn Khuzayma dan Ibn Mundhir mula memberi sumbangan dan pandangan terhadap perundangan Islam. Begitu juga dengan imam Abū Yūsuf, Ṣhaybānī, dan Muzānī yang telah mula mempraktikkan amalan dan tunjuk ajar imam Shafi'i terhadap pengajian ilmu *ūṣul al-fiqh*.⁴⁹

Hallaq menyatakan dalam artikelnya bahawa perkembangan intelektual yang pesat dengan pertumbuhan pusat-pusat pengajian ilmu *ūṣul al-fiqh* dan perundangan Islam pada awalnya merupakan satu perkembangan positif. Akan tetapi dari aspek lain, beliau berpendapat bahawa keadaan tersebut telah menyebabkan ramai dalam kalangan para

⁴⁷ Muḥammad al- Khudhūrī (1997), *Tārikh Taṣhri' al-Islāmī*, Beirut: Dar al Ma'rifah, h. 138.

⁴⁸ Muṣṭafā Shak'ah (1984), *Al-A'immah al-Arba'ah*, Kaherah: Dar al-Kitāb al-Miṣr, h. 135.

⁴⁹ Muḥammad al- Khudhūrī (1997), *op.cit*, h. 157.

mujtahid telah mula membelakangi ajaran-ajaran daripada guru-guru terdahulu dengan mengemukakan pandangan masing-masing terhadap suatu permasalahan yang timbul. Sebagai contohnya⁵⁰:-

- i- Abū Thur Ibrāhīm bin Khālid bin al Yamān al Kilbī al Baghdādī: merupakan pengikut ajaran imam Shafi'i. Beliau telah menformulasikan perundangan berdasarkan idea beliau sendiri dalam isu yang berkaitan dengan wasiat dan hutang.
- ii- Abū Bakar Muḥammad bin Aḥmad: seorang mujtahid di bawah ajaran imam Shafi'i. Beliau mengemukakan pandangannya sendiri dalam perkara yang berkaitan dengan perkahwinan.

Berdasarkan kepada permasalahan di atas, penulis berpendapat bahawa perselisihan pendapat yang berlaku di antara para mujtahid dengan pengasas imam mazhab merupakan satu perkembangan positif kerana setiap mujtahid mempunyai pandangan dan pemahaman sendiri terhadap sesuatu permasalahan yang berlaku. Perselisihan pendapat dalam perkara berkaitan hukum secara tidak langsung menunjukkan tahap kemampuan intelektual seseorang mujtahid dalam memahami permasalahan yang berlaku dengan berpandukan kepada sumber asas syariat Islam iaitu al-Qurān dan al-Sunnah. Sebagai contoh, Abū Thūr Ibrāhīm bin Khālid bin al Yamān al Kilbī al Baghdādī merupakan pengikut ajaran imam al Shafi'i, akan tetapi dalam sesetengah keadaan beliau tidak akan

⁵⁰ Sha'bān Muḥammad Ismā'il (1981), *op.cit*, h. 124.

taqlīd sepenuhnya kepada pendapat imam al Shafi'i bahkan akan menyelisihinya sekiranya terdapat dalil yang jelas dalam permasalahan yang berlaku.⁵¹

Pada kurun ke-5 hijrah, Hallaq mencatatkan bahawa kegiatan *ijtihād* semakin giat diteruskan dalam mencari penyelesaian masalah yang melibatkan hukum. Dalam hal ini, Abū Ḥusayn al- Basri menegaskan tentang kepentingan *ijtihād* dalam perundangan Islam di samping menolak sikap *taqlīd* yang hanya akan dipraktikkan oleh golongan yang kurang berkemahiran dan berpengetahuan.⁵² Malah pada kurun ke -5 hijrah, para imam dan ketua pemerintah diletakkan syarat untuk memahami hukum syara' dan perlu memiliki keupayaan sebagai seorang mujtahid agar setiap permasalahan hukum yang timbul pada waktu itu dapat dicari jalan penyelesaian. Catatan dalam sejarah perkembangan hukum Islam mendapati bahawa keadaan umat Islam pada waktu itu terlalu bergantung kepada hasil tinggalan ajaran imam-imam mazhab terdahulu. Bahkan, sikap *taqlīd* terhadap amalan para imam mazhab sudah semakin menular.⁵³

Perkembangan *ijtihād* selepas kerajaan Abasiyyah merupakan antara zaman kemunduran dalam perundangan Islam. Umat Islam yang mempunyai tahap pengetahuan yang tinggi dalam perundangan Islam semakin berkurangan yang akhirnya telah membawa kepada wujudnya golongan-golongan *taqlīd* dan pengikut-pengikut kepada ajaran mazhab secara

⁵¹ Muḥammad al- Khudhūrī (1997), *op.cit*, h. 158.

⁵² *Ibid.*

⁵³ *Ibid.*

berterusan sehingga *ijtihād* semakin sukar dipraktikkan. Antara faktor utama yang membawa kepada kemunduran *ijtihād* adalah⁵⁴:-

- i- Semangat *ijtihād* mulai menurun, bahkan sikap *taqlīd* umat Islam semakin berleluasa. Pada akhir abad ke-5 hijrah, munculnya fatwa ulama tentang penutupan pintu *ijtihād* sehingga membawa kepada sikap takut umat Islam untuk ber*ijtihad* dalam perkara-perkara baru.
- ii- Munculnya pengikut-pengikut fanatik terhadap mazhab masing-masing sehingga wujud sikap tertutup untuk menerima pandangan dan pendapat dari mazhab yang berlainan.
- iii- Banyak catatan tentang fiqh dan *uṣūl al-fiqh* disertakan tanpa dalil-dalil yang munasabah terutama dalam hal yang berkaitan dengan pensabitan hukum. Catatan-catatan tersebut dilakukan oleh para murid atau pengikut imam mazhab.
- iv- Buku-buku fiqh yang telah dibukukan turut disertai dengan komen dan pandangan daripada penulis buku tersebut yang secara jelas mempertahankan fahaman mazhabnya serta menyalahkan fahaman yang bertentangan dengan mazhab yang diikuti.

⁵⁴ Umar Hasyim (1984), *op.cit*, h.58

Kedudukan *ijtihād* pada zaman ini adalah sangat kritikal sehingga munculnya pendapat yang menyatakan haram ber*ijtiḥād* yang akhirnya telah membawa kepada amalan *taqlīd*.⁵⁵

Berdasarkan kepada artikel yang dihasilkan, Hallaq membincang tentang isu *Inṣidād bāb al-ijtihād* bagi mengenalpasti faktor utama yang membawa kepada timbulnya isu tersebut. Secara umumnya, isu penutupan pintu *ijtihād* tercetus kerana ulama Islam yang wujud sekitar kurun ke-5 hijrah telah menjadikan kitab karangan imam-imam mazhab sebagai panduan penting dalam pencarian hukum yang wujud pada waktu itu. Berkaitan dengan perkara tersebut, Prof. Dato' Dr. Mahmood Zuhdi Abdul Majid⁵⁶ telah memberikan pandangan beliau berkaitan dengan pengklasifikasian *ijtihād*. Beliau menegaskan bahawa pintu *ijtihād* sama ada ia telah ditutup atau masih dibuka, perlu dilihat daripada jenis *ijtihād*nya.

⁵⁵ Umar Hasyim (1984), *op.cit*, h. 60.

⁵⁶ Mahmood Zuhdi Abdul Majid (1994), *Beberapa Pemikiran Tentang Ijtihād, Islah dan Tajdīd*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 8.

Jenis-jenis *ijtihād* menurut Prof. Dato' Dr. Mahmood Zuhdi adalah:-

- i- *Ijtihād* untuk *iṣṭinbāt* hukum-hukum *furu'*: Kebanyakan daripada ulama mengatakan ia telah terputus beberapa zaman kerana kurangnya ulama-ulama yang memiliki kemahiran *ijtihād muṭlak*. Hanya imam Ibn Taymiyyah menyatakan bahawa *ijtihād* tersebut masih diamalkan, tidak terputus dan tidak tertutup⁵⁷.
- ii- *Ijtihād* untuk melaksanakan kaedah-kaedah hukum Islam. Ulama sepakat menyatakan ia masih terbuka dan tidak terputus. *Ijtihād* ini dilaksanakan oleh golongan mujtahid dengan cara membuat kajian dan analisis terhadap rumusan yang ditulis oleh ulama-ulama terdahulu.

Sejarah perundangan Islam tidak pernah mencatatkan suatu waktu yang *ijtihād* langsung tidak diamalkan lagi dalam kalangan umat Islam. Saranan yang dibuat oleh Ibn Taymiyyah⁵⁸ pada abad ke -8 hijrah adalah lebih bersifat menyeru umat Islam supaya mengamalkan *ijtihād* dengan cara yang lebih berkesan. Sebagai orang yang mendalami mazhab Shafi'i dan Ḥanbalī, beliau tidak berpendapat bahawa *ijtihād* tidak diamalkan atau dilarang sekitar abad ke- 8 hijrah. Perkara utama yang disedari oleh beliau ialah

⁵⁷ *Ibid.*

⁵⁸ Ibn Taymiyyah, Aḥmad bin Abd Ḥalim (2001), *Al-Manhāj al-Qawīm Fī Ikhtīṣar Iqṭidhai al-Ṣirāt al-Mustaqīm*, Makkah: Dar 'Alam al-Fawa'id, h. 34.

amalan *ijtihād* yang dilakukan oleh ulama pada waktu itu kurang berkesan kerana mereka sangat terikat dengan mazhab-mazhab yang telah sedia ada.⁵⁹

Ibn Taymiyyah sebaliknya mahu supaya ulama-ulama pada waktu itu melakukan usaha *ijtihād* sebagaimana yang dilakukan oleh para imam mujtahidin yang terdahulu seperti Abū Ḥanīfah, Shafi'i, Mālikī, Ḥanbalī, Ṭabarī, Thaurī, Auza'ī dan ramai lagi tokoh ilmuan fiqh yang telah menggunakan kaedah ilmu *uṣūl al-fiqh* seperti kaedah *ijtihād* untuk menyelesaikan permasalahan hukum.⁶⁰ Berdasarkan pendapat Ibn Taymiyyah, umat Islam perlu melakukan pengagihan semula nilai pendekatan kepada teori klasik perundangan mengikut realiti yang ada sekarang. Dengan cara itu, umat Islam bukan sahaja menaja suatu cara baru dalam pembinaan hukum Islam tetapi sebaliknya kembali kepada amalan para imam mujtahidin dalam segala sifatnya secara kritis dan bukan dengan *bertaqlīd*.⁶¹

Kelesuan *ijtihād* pada zaman kini bukan bermaksud tertutupnya pintu *ijtihād*. Imam al-Zarkasyi menegaskan bahawa mujtahid atau golongan yang mampu untuk ber*ijtihād* akan selama-lamanya wujud, bahkan Allah akan memudahkan lagi jalan *ijtihād* ulama pada masa kini.⁶² Dakwaan terhadap penutupan pintu *ijtihād* adalah mungkin bersandarkan kepada tingkat-tingkat atau darjat para mujtahid seperti berikut⁶³:-

⁵⁹ Mahmood Zuhdi (1994), *op.cit*, h. 14.

⁶⁰ Ibn Taymiyyah, Ahmad bin Abd Halim (2001), *op.cit*, h. 61.

⁶¹ Mahmood Zuhdi (1994), *op.cit*, h. 14.

⁶² Wāfi Mahdī (1984), *al-Ijtihād Fi al-Shari'ah al-Islāmiyyah*, Madrib: Dar al-Thaqifah, h. 440.

⁶³ Muḥammad Sayid Ṭantawī (1997), *Al-Ijtihād Fi al-Aḥkām al-Syari'ah*, T.T.P: Dar an-Nahdah, h. 105.

i- *Mujtahid Muṭlaq Mustaqil*

- Iaitu mujtahid yang membangunkan sendiri teori dan kaedah *iṣṭinbāt* tanpa bersandarkan kepada kaedah *iṣṭinbāt* pihak lain. Golongan yang termasuk dalam kategori ini adalah imam mazhab empat, Lays ibn Sa'ad, al-Auzā'i, Sufyān al-Ṣauri, Abū Saur dan lain-lain.⁶⁴

ii- *Mujtahid Muntasib*

- Para mujtahid yang melakukan *ijtihād* dengan menggunakan kaedah *iṣṭinbāt* tokoh mazhab yang diikutinya, meskipun kadangkala berlaku perbezaan pendapat dalam masalah-masalah *furu'* dengan imam yang diikutinya. Antara yang termasuk dalam golongan ini adalah Abū Yūsuf, Muḥammad Ṣaybanī, Ibn Qaḍamah, Ibn Taymiyyah dan Ibn Qayyim dari Ḥanabilah.

iii- *Mujtahid Fī al-Mazhab*

- Mujtahid yang mengikuti imam mazhabnya dalam kaedah *iṣṭinbāt* dan masalah *furu'*. Mereka melakukan *ijtihād* dalam masalah-masalah yang ketentuan hukumnya tidak terdapat dalam mazhabnya dan kadangkala mereka meringkaskan kaedah *iṣṭinbāt* yang dibangunkan oleh imam mereka.

⁶⁴ Abū Ṣahrah (1999), *Uṣūl al-Fiqh*, h. 389.

iv- *Mujtahid Murajjih*

- Mujtahid yang tidak mengis^hbatkan hukum *furu'*. Mereka melakukan *ijtihad* hanya terbatas untuk membandingkan beberapa pemikiran hukum mujtahid sebelumnya dan kemudian memilih salah satu yang dianggap darjat terkuat.

Ijtihad yang berlaku pada peringkat *mujtahid fi al-Mazhab* dan *mujtahid murajjih* masih terbuka luas. Penutupan pintu *ijtihad* bererti menafikan hukum Islam yang dinamik menjadi statik dan beku kerana banyak permasalahan baru yang timbul tidak dijelaskan dalam nas dan tidak pula dikemukakan oleh ulama-ulama terdahulu. Sementara itu, membuka pintu *ijtihad* bererti menjadikan permasalahan yang baru timbul pada kebelakangan ini akan diketahui hukumnya. Oleh itu, hukum Islam tetap berkembang sejajar dengan perkembangan masa dan kemajuan zaman.⁶⁵

Hallaq turut menjelaskan tentang permasalahan pintu *ijtihad* dan golongan mujtahid perlu dikaji berdasarkan kepada dua situasi yang berbeza. Beliau menegaskan bahawa isu tentang kekurangan ahli mujtahid tidak berlaku serentak dengan isu penutupan pintu *ijtihad*. Malah mengikut aturannya, isu kekurangan bilangan ahli mujtahid mungkin berlaku lebih awal sebelum isu penutupan pintu *ijtihad* timbul. Kenyataan Hallaq tersebut telah dibuktikan dengan perbincangan tentang penutupan pintu *ijtihad* yang telah membawa kepada wujudnya segelintir dari kalangan ulama yang tegas mempertahankan bahawa

⁶⁵ Dr. H. Abd Salam Arief (2003), *Pembaharuan Pemikiran Hukum Islam: Antara Fakta dan Realita, Kaitan Pemikiran Hukum Syeikh Mahmud Syaltut*, Yogyakarta: LESFI, h. 38-39.

pintu *ijtihād* belum lagi tertutup selagi masih wujud golongan ulama yang mampu dan berkeelayakan untuk *berijtihad*.⁶⁶

Faktor-faktor perubahan masa dan kepelbagaian masalah yang memerlukan kepada penjelasan hukum amat kritikal. Dengan itu, golongan ulama yang mampu *berijtihad* telah mula bangkit serta mula mengkaji semula hasil *ijtihād* terdahulu. Tujuannya ialah untuk mengadakan pembaharuan dari segi cara berfikir dan corak penganalisan masalah yang perlu ditinjau dan diselidiki kembali. Antara ulama mujtahid yang bangkit memperjuangkan *ijtihād* adalah⁶⁷:-

- Taqiyudin Ibn Taymiyyah (1263-1328 masihi), di Syiria.
- Syeikh Waliyullah Dihlawī (1703-1768 masihi), di India.
- Muḥammad Bin Abdul Wahhāb (1703-1768 masihi), di Mekah.
- Syeikh Aḥmad Khan (1817-1898 masihi), di India.
- Syeikh Muhammad Abduh (1849-1905 masihi) di Mesir.
- Muḥammad Iqbāl (1873-1938) di Pakistan.

⁶⁶ Umar Hashim (1984), *op.cit*, h. 69.

⁶⁷ *Ibid*.

Hallaq dalam artikelnya turut menegaskan bahawa dakwaan tentang penutupan pintu *ijtihad* tidak berlaku pada lima kurun hijrah yang pertama. Beliau menegaskan bahawa pada masa tersebut golongan mujtahid masih ramai dan masih kuat pengaruh serta pegangan mereka terhadap ajaran ilmu *uṣūl al-fiqh*. Malah jika dikaji dari aspek perkembangan hukum Islam di antara kurun ke-2 hijrah sehingga pertengahan kurun ke-4 hijrah, ia merupakan antara tempoh perkembangan hukum Islam yang sangat penting yang merupakan zaman keagungan perkembangan hukum Islam dan ilmu *uṣūl al-fiqh*.⁶⁸

Perkembangan hukum Islam pada waktu tersebut menunjukkan bahawa proses pembukuan ilmu *uṣūl al-fiqh* telah mula dijalankan oleh tokoh-tokoh fiqh yang berpengetahuan tinggi seperti imam al-Shafi'i, Abū Ḥanīfah dan ramai lagi. Penghasilan kitab *al-Risālah* merupakan sumbangan terpenting imam al Shafi'i khususnya dalam bidang ilmu *uṣūl al-fiqh* kerana ia merupakan hasil penulisan pertama sarjana Islam tentang ilmu *uṣūl al-fiqh*.⁶⁹

Menurut Hallaq lagi, dakwaan terhadap penutupan pintu *ijtihad* secara umumnya berlaku selepas kurun ke- 5 hijrah kerana pada waktu tersebut jumlah golongan mujtahid yang benar-benar berkaliber semakin berkurangan di samping berlaku ketidaksefahaman pendapat dalam kalangan para ulama khususnya dalam perbincangan dan penyelesaian hukum.⁷⁰ Dakwaan beliau ini dapat dibuktikan dengan berdasarkan kepada kronologi

⁶⁸ Wael Hallaq (1994), *op.cit*, h. 36.

⁶⁹ Muḥammad al- Khudhārī (1997), *op.cit*, h. 126.

⁷⁰ Wael Hallaq (1994), *op.cit*, h. 36.

sejarah perundangan Islam yang memberi gambaran secara umum tentang kelesuan proses perkembangan *ijtihād* selepas kurun ke-5 hijrah.

Proses *ijtihād* semakin rumit kerana golongan ulama Islam yang berpengetahuan tinggi dalam bidang hukum Islam semakin berkurangan. Oleh itu, sikap fanatik umat Islam terhadap ajaran para imam mazhab telah menyebabkan timbulnya amalan *taqlīd*. Antara faktor-faktor penyebab berlakunya amalan *taqlīd* dalam kalangan umat Islam selepas kurun ke-6 hijrah adalah:-⁷¹

1- Sikap pengikut (murid) yang setia kepada ulama.

Para ulama mempunyai pengikut dan murid yang bersifat mulia. Mereka menghargai setiap sumbangan para ulama untuk mengajar ilmu tentang perundangan Islam. Sikap jujur, hormat dan memandang tinggi setiap ilmu yang diperolehi daripada ulama telah ditunjukkan melalui pembukuan hasil pengajaran ulama tentang hukum Islam yang telah dihasilkan oleh para pengikut setia mereka. Pembukuan tentang ilmu berkaitan hukum Islam dan masalah-masalah *uṣūl al-fiqh* secara tidak langsung telah menjadi faktor pendorong kepada ulama fiqh

⁷¹ Badrān Abū al-‘Aynāyn Badrān (t.t), *al-Syarī‘ah al-Islāmiyyah Tārīkhuha Wa Nazariyyah al Milikiyyah Wa al-‘Uqūd*, Iskandariah: Jāmi‘ah al-Iskandariyah, h. 150.

terkemudian untuk mengikut ajaran ulama terdahulu. Sikap tersebut telah membawa kepada amalan *taqlīd* dalam kalangan umat Islam.⁷²

2- Sikap Para Hakim/Mufti.

Perlantikan seseorang hakim pada zaman khalifah adalah berdasarkan kepada tahap keilmuan hakim tersebut terhadap sumber asas syari'at Islam serta mampu untuk melakukan *istinbāt* hukum berdasarkan kepada kitab al-Qurān dan al-Sunnah. Malah para hakim telah mendapat kepercayaan khalifah untuk melaksanakan suatu hukum berdasarkan kepada nas. Perubahan masa dan perkembangan masalah yang berlaku menyebabkan bilangan hakim yang benar-benar mampu untuk mengeluarkan fatwa tentang sesuatu hukum semakin berkurangan. Malah sarjana fiqh pada waktu itu sudah semakin hilang kepercayaan terhadap kemampuan seseorang hakim untuk berfatwa sehingga para hakim telah cenderung untuk mengikut segala hukum yang telah dibukukan oleh imam-imam mazhab terdahulu.⁷³

⁷² Badrān Abū al-‘Aynāyn Badrān (t.t), *op.cit*, 150.

⁷³ *Ibid*, h. 150.

3- Pembukuan terhadap ajaran imam-imam mazhab.

Segala permasalahan berkaitan *uṣūl al-fiqh* dan hukum Islam yang telah disampaikan oleh para imam mazhab terdahulu telah dibukukan dan menjadi rujukan utama ulama *uṣūl*. Secara tidak langsung, para ulama Islam mempunyai kecenderungan untuk mengikut permasalahan hukum yang telah diselesaikan oleh imam-imam terdahulu.⁷⁴

Sikap *ta'asub* kepada ajaran mazhab mula menular. Para pengikut ajaran imam mazhab mula mempertahankan pandangan hukum oleh imam mazhab mereka sehingga pada satu tahap ia hampir membawa kepada perbalahan dalam kalangan pengikut-pengikut mazhab.⁷⁵ Malah dalam hal ini, sarjana Islam pernah menyatakan bahawa umat Islam secara umumnya pernah mencapai tahap dinamik pemikiran dan tamadun yang tinggi, akan tetapi kegemilangan dan dinamisme pemikiran mereka menemui jalan penyelesaian yang teruk apabila ulama Islam pada akhir kurun ke-4 mengishtiharkan penutupan pintu *ijtihād*.⁷⁶

Faktor yang menyumbang kepada dakwaan penutupan pintu *ijtihād* adalah kerana para ulama pada waktu itu ingin menyatukan kembali kesatuan pemikiran umat Islam yang selama ini bertelingkah untuk menghuraikan sesuatu hukum yang dibincangkan. Rasionalnya kedudukan *ijtihād* pada waktu itu semakin teruk akibat daripada kepelbagaian masalah yang timbul tidak menemui jalan penyelesaian. Impaknya,

⁷⁴ Badrān Abū al-‘Aynāyn Badrān (t.t), *op.cit*, 151.

⁷⁵ Ir Kamaluddin Suhaimi (2000), *The Ijtihād of the Practicing Muslim*, Kuala Lumpur: New Straits Times Press, h. 2.

⁷⁶ *Ibid*.

orientalis melihat keadaan tersebut sebagai satu gambaran negatif bahawa praktik hukum Islam tidak bersesuaian dengan perubahan masa dan persekitaran.⁷⁷

Dalam hal ini, Hallaq telah meletakkan 3 faktor utama sebagai menolak dakwaan penutupan pintu *ijtihad*:-⁷⁸

- 1- Kekurangan jumlah mujtahid selepas kurun ke – 6 hijrah. Walaupun pelbagai masalah semasa timbul, jumlah mujtahid masih lagi wujud akan tetapi kekurangan mujtahid yang berkaliber menyebabkan mujtahid yang ada tidak mampu untuk menanggung segala persoalan yang timbul.
- 2- Peranan yang dimainkan oleh ulama Islam yang telah memperkenalkan *tajdid* pemikiran untuk menghapuskan sikap *taqlid* telah membolehkan wujudnya sekurang-kurangnya seorang mujtahid pada setiap zaman.
- 3- Wujudnya persepakatan pendapat dalam hukum Islam di kalangan ulama Islam walaupun berlainan aliran mazhab.

⁷⁷ Ir Kamaluddin Suhaimi (2000), *op.cit*, h.2.

⁷⁸ Wael Hallaq (1994), *op.cit*, h. 36.

Perkembangan *ijtihād* yang berlaku pada kurun ke-6 hijrah mula mengalami zaman kemunduran dari sudut praktiknya. Sikap *taqlīd* terhadap mazhab yang diamalkan oleh umat Islam pada penghujung kurun ke-5 hijrah merupakan antara faktor utama yang mendorong kepada kemerosotan ulama Islam untuk melakukan *ijtihād*. Malah ulama Islam lebih cenderung untuk mengamalkan *taqlīd* terhadap tinggalan ulama terdahulu dan hanya segelintir sahaja ulama Islam pada waktu itu yang berkelayakan untuk melakukan *ijtihād*.⁷⁹

Situasi yang berlaku sekitar kurun ke-6 sehingga kurun ke-10 hijrah membuktikan bahawa amalan *ijtihād* secara umumnya mencapai puncak kecemerlangannya sekitar kurun ke-2 hingga pertengahan kurun ke-5 hijrah. Manakala sikap fanatik terhadap imam mazhab yang berlaku sekitar pertengahan kurun ke-5 hijrah telah menjadi faktor pendorong kepada kemerosotan praktik *ijtihād*. Walaupun begitu, keadaan tersebut tidak bermaksud bahawa pintu *ijtihād* telah ditutup, akan tetapi isu tersebut timbul akibat daripada kemerosotan jumlah ulama Islam yang benar-benar berkelayakan untuk melakukan *ijtihād*.

⁷⁹ Muḥammad al-Khuḍhārī (1997), *op.cit*, h. 226.

3.6 Kesimpulan

Perkembangan *ijtihad* yang berlaku semenjak zaman nabi Muhammad s.a.w. telah mengalami proses perubahan dari aspek pemahaman dan penelitian para mujtahid terhadap sumber-sumber syariat Islam dengan berpandukan kepada permasalahan hukum semasa. Sejarah perkembangan hukum Islam membuktikan bahawa praktik *ijtihad* tidak pernah berhenti daripada terus diamalkan oleh ulama-ulama Islam pada setiap masa. Faktor kekurangan bilangan mujtahid menjadi penyebab utama yang membawa kepada isu tentang pintu *ijtihad* ditutup. Isu tersebut secara tidak langsung dicetuskan oleh orientalis yang berniat jahat untuk membuktikan praktik hukum Islam secara umumnya tidak bersifat fleksibel dan tidak sesuai untuk dipraktikkan pada setiap zaman.

Penulisan tentang *ijtihad* oleh orientalis terbahagi kepada penulisan yang bersifat negatif seperti yang dihuraikan tentang dakwaan Joseph Schacht terhadap isu pintu *ijtihad* ditutup, manakala penulisan Wael Hallaq dalam artikel-artikel beliau lebih kepada dakwaan rasional yang berpandukan kepada fakta fakta asal tentang sejarah perkembangan hukum Islam.

Sebagai orientalis, Wael Hallaq telah menunjukkan ketelitian beliau dalam menghuraikan setiap fakta berkaitan perkembangan *ijtihad*. Penganalisaan penulis terhadap artikel yang dihasilkan Hallaq berkaitan *ijtihad* secara keseluruhannya mempunyai beberapa fakta yang bersifat relevan dengan sejarah perkembangan hukum Islam dan terdapat juga beberapa fakta yang mengelirukan di antara satu artikel dengan artikel yang lain.

Penulisan beliau tentang *ijtihād* telah membawa kepada beberapa dapatan dan kesimpulan yang akan dihuraikan dalam disertasi ini dengan terperinci dalam bab ke empat. Beliau secara keseluruhannya telah cuba untuk membuktikan dalam artikelnya bahawa *ijtihād* akan sentiasa berkembang dalam hukum Islam.